

93 peratus proses ambil tanah projek ECRL selesai

Proses pengambilan tanah bagi projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665 kilometer (km) siap 93 peratus, kata Pengurus Besar Unit Perniagaan Kereta Api China Harbour Engineering Company Ltd (CHEC), Zhang Wenfeng.

Beliau berkata, syarikat itu masih menunggu proses pengambilan tanah di Seksyen C projek berkenaan, yang membabitkan kawasan Selangor, mewakili tujuh peratus jajaran rel.

“Tujuh peratus (belum siap) bukanlah jumlah yang besar, namun jika berlaku kelewatan (pengambilan tanah), ia mungkin boleh menjejaskan tempoh penyiapannya, tetapi jika tiada masalah, kami amat yakin pembinaannya dapat berjalan lancar,

dan projek boleh disiapkan tepat pada waktu disasarkan.

“Sekarang ini kita dapati pengambilan tanah di Selangor sedikit tertangguh. Jadi, saya harap kerajaan (Malaysia) mendapat sokongan ramai untuk menyiapkan projek ini, dan dapat menyelesaikan isu pengambilan tanah lebih awal, kerana ia boleh menjejaskan penyiapan keseluruhan projek,” katanya kepada wartawan Malaysia dalam temu bual khas baru-baru ini.

CHEC, anak syarikat China Communications Construction Company Ltd (CCCC), ialah syarikat kontraktor pembinaan yang mengetuai projek ECRL.

Zhang berkata, pembinaan keseluruhan projek itu sudah mencapai kemajuan 50.29 peratus

sehingga pertengahan Ogos lalu dan prosesnya dilihat berada di landasan yang betul untuk disiapkan menjelang akhir 2027.

“Projek dibahagikan kepada tiga bahagian yang terdiri daripada bahagian A, B dan C. Kami sudah menyiapkan kebanyakan kerja awam di bahagian A dan B, secara kasar projek ini sudah separuh siap,” katanya.

18,000 peluang kerja

Beliau berkata, projek itu dijangka menyediakan sehingga 18,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan sepanjang tempoh pembinaannya.

Katanya, selain itu pelaksanaan projek berkenaan juga akan menyaksikan lebih 5,000 juruteknik dilatih dalam aspek pembi-

naan dan operasi kereta api.

Zhang berkata, mereka juga sudah melaksanakan perlindungan alam sekitar termasuk mengubah reka bentuk penjajaran, di samping menggunakan peralatan TBM (Mesin Pengorek Terowong) tercanggih untuk menggantikan kaedah pengorekan tradisional seperti letupan dan penggalian untuk pembinaan terowong, bagi meminimumkan kesan projek

terhadap alam sekitar.

Beliau berkata, projek itu boleh merangsang pembangunan ekonomi, dan amat penting bagi meningkatkan jalinan ketersambungan antara negeri di Pantai Timur dan negeri di Pantai Barat.

Menurutnya, projek yang menjadi bahagian penting dalam Inisiatif Jalur dan Jalan China (BRI) di Malaysia itu juga akan dapat mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

BERNAMA

